

K-ekonomi bantu negara berdaya

saing

26 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keupayaan melaksanakan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) perlu bagi Malaysia merebut peluang dalam era globalisasi.

Perdana Menteri berkata, k-ekonomi adalah syarat penting bagi memastikan Malaysia mampu berdaya saing dan inovatif dalam perdagangan, industri dan perkhidmatan.

Malah, beliau berkata, pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi memajukan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membolehkan negara menghadapi cabaran perdagangan elektronik (e-dagang) dan teknologi lain.

Katanya, sektor perniagaan perlu menjayakan e-dagang kerana ia alat pemasaran paling berkesan, terutama bagi merebut peluang perniagaan yang ditawarkan dalam era itu.

"Perniagaan antara Asia saja menawarkan pasaran besar iaitu RM152 bilion (AS\$40 bilion) tahun lalu dan ia dijangka mencecah RM3,420 bilion (AS\$900 bilion) menjelang 2005," kata Dr Mahathir dalam perutusan buku cenderahati persidangan kebangsaan mengenai Perdagangan Elektronik : Strategi untuk Menembusi Pasaran, di sini hari ini.

Persidangan dua hari anjuran Persatuan Pelabur Malaysia (MIA) dirasmikan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Perdana Menteri berkata, ketika ini, hanya empat peratus daripada RM685.7 bilion perdagangan Malaysia tahun lalu, dilakukan menerusi e-dagang.

Katanya, sebagai negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia, e-dagang berperanan besar memajukan perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan di negara ini baik di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.